



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



KEFAHAMAN KONSEP BANGSA MALAYSIA DALAM KALANGAN MAHASISWA: KAJIAN TERHADAP KURSUS PEMBENTUKAN & PEMBINAAN NEGARA BANGSA

*UNDERSTANDING THE CONCEPT BANGSA MALAYSIA
AMONG STUDENTS: A STUDY TOWARDS THE FORMATION & NATION STATE
BUILDING COURSE*

Khairul Ghufran Kaspin^{1*}, Mohamad Basri Jamal², Norshahrul Marzuki Mohd Nor^{3*}, Mazdi Marzuki⁴, Mohd Hairy Ibrahim⁵

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

³ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

⁴ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

⁵ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: hairy@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Kaspin, K. G., Jamal, M. B., Nor, N. M. M., Marzuki, M., & Ibrahim, M. H. (2022). Kefahaman Konsep Bangsa Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa: Kajian Terhadap Kursus Pembentukan dan Pembinaan Negara Bangsa (HNH3013) dalam membentuk pemikiran mahasiswa mengenai kefahaman konsep Bangsa Malaysia. Kajian ini adalah

Abstrak:

Negara bangsa adalah sebuah negara berdaulat yang mempunyai sempadan wilayah yang jelas dan wilayah tersebut didiami oleh sekumpulan penduduk yang diikat dengan kewarganegaraan yang sama dan mengidentifikasi diri mereka sebagai bangsa. Bangsa Malaysia yang kukuh merupakan kemuncak kepada proses pembentukan negara bangsa bagi Malaysia. Dalam hal ini, mahasiswa merupakan kelompok yang penting untuk didekahkan mengenai proses pengukuhan konsep tersebut sehingga Bangsa Malaysia yang kukuh dapat direalisasikan. Kajian dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap kefahaman responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini terhadap pengetahuan mereka mengenai konsep Bangsa Malaysia. Selain itu, kajian juga dijalankan adalah untuk mengetahui keberkesanan kursus Pembentukan dan Pembinaan Negara Bangsa (HNH3013) dalam membentuk pemikiran mahasiswa mengenai kefahaman konsep Bangsa Malaysia. Kajian ini adalah

Pembentukan & Pembinaan Negara Bangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 45-59.

DOI: 10.35631/IJEPC.745004

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



berbentuk kuantitatif dan hasil dapatan kajiananya dihurai secara analisis statistik deskriptif. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati bahawa tahap kefahaman responden terhadap konsep Bangsa Malaysia adalah baik dan memuaskan. Manakala kursus HNH3013 adalah berkesan dalam membentuk pemikiran mahasiswa terhadap konsep Bangsa Malaysia. Berdasarkan hasil dapatan juga, kajian ini mengenalpasti terdapat beberapa perkara yang perlu dititikberatkan oleh pihak berwajib dalam mengukuhkan lagi kefahaman mahasiswa terhadap konsep Bangsa Malaysia. Perkara-perkara tersebut termasuklah pemimpin dari kalangan pelbagai agama, penerimaan konsep Bangsa Malaysia dan dasar negara yang terkini dalam mengukuhkan lagi Bangsa Malaysia.

Kata Kunci:

Bangsa Malaysia, Kefahaman, Konsep, Mahasiswa, Negara Bangsa

Abstract:

A nation state is a sovereign country that has a clear territorial boundaries and the territory is inhabited by a group of people who are bound by the same citizenship and identify themselves as a nation. A strong Bangsa Malaysia is such a highest point of the nation-building in Malaysia. In this case, students are an important group to be exposed to the process of strengthening the concept so that a strong Bangsa Malaysia can be realized. This study was conducted to identify the level of understanding of the respondents who took part in this study on their knowledge of the concept of Bangsa Malaysia. In addition, this study was conducted to determine the effectiveness of the course on Pembentukan dan Pembinaan Negara Bangsa (HNH3013) in shaping students' thinking on the understanding of the concept of Bangsa Malaysia. This is a quantitative research and the results of the study are described by descriptive statistical analysis. Overall, the results of this study found that the level of respondents' understanding of Bangsa Malaysia concept is good. While the HNH3013 course is effective in shaping students' thinking on the concept of Bangsa Malaysia. Based on the findings, this study identifies several things that need to be emphasized by the authorities in further strengthening students' understanding of the concept of Bangsa Malaysia. These include leaders from various religions, acceptance of the concept of Bangsa Malaysia and the latest national policies in further strengthening Bangsa Malaysia.

Keywords:

Bangsa Malaysia, Concept, Nation State, Students, Understanding

Pengenalan

Negara bangsa atau *nation state* merupakan kesinambungan sejarah untuk sesuatu bangsa. Bahkan, ia merupakan perkara pokok bagi sesebuah negara dalam membentuk hala tuju pembangunan negara tersebut, sama ada pada masa kini atau pada masa yang akan datang. Dalam hal ini, negara bangsa merupakan satu fenomena sosio-politik. Dalam kebanyakan tamadun yang wujud di dunia, konsep negara-bangsa diguna pakai dalam membincangkan mengenai sosio-politik tamadun tersebut. Jika dilihat dari segi sejarah, Malaysia tidak terkecuali dari membincangkan mengenai persoalan negara bangsa khususnya setelah bebas dari cengkaman penjajah (Hasnah, 2010). Manakala dalam konteks Malaysia pula, proses pembentukan sebuah negara bangsa adalah proses yang berterusan (*ongoing process*). Proses

tersebut masih lagi berjalan hingga ke hari ini (Abdul Rahman Embong, 2006). Sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pelbagai usaha dan dasar-dasar telah diwujudkan oleh pihak pemerintah bagi memastikan pembinaan negara bangsa di Malaysia berada di landasan yang betul. Hal tersebut bagi memastikan impian untuk mewujudkan ‘Bangsa Malaysia’ berjaya direalisasikan.

Selain itu, dalam usaha mengukuhkan lagi pembentukan negara bangsa yang sedia ada, dasar-dasar negara yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah secara jelas atau tersirat sebenarnya menyokong usaha pengukuhan Bangsa Malaysia. Sebagai contoh, Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri keempat secara jelas menyatakan bahawa terdapat Sembilan cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020. Dan cabaran yang pertama ialah mewujudkan Bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama, wujud integrasi diperingkat wilayah dan wujud hubungan antara kaum berdasarkan hak dan keadilan (Mahathir, 1992). Merujuk perkara tersebut, Wawasan 2020 merupakan dasar negara yang jelas membincangkan perkara mengenai Bangsa Malaysia. Dari sudut yang lain, Bangsa Malaysia yang telah terbina sejak sekian lama harus diperkuuhkan dari masa ke masa. Tidak kira dari mana-mana aspek pun, ia merupakan sebuah proses yang berterusan (*ongoing process*). Manakala Bangsa Malaysia yang kukuh boleh diibaratkan sebagai kemuncak kepada kejayaan proses pembinaan negara bangsa di Malaysia.

Dalam hal ini, mahasiswa merupakan kelompok generasi muda yang bakal memimpin negara kelak harus juga dipersiapkan kefahaman mereka dari sudut konsep Bangsa Malaysia. Justeru, perkara tersebut merupakan penggerak kepada kajian ini yang memberi fokus kepada mahasiswa sebagai responden untuk mengupas tentang kefahaman mereka terhadap konsep Bangsa Malaysia.

Pembinaan negara bangsa dari Eropah ke Asia: sorotan dari sudut sejarah

Di Eropah terutamanya di bahagian Eropah Barat, semangat bangsa wujud terlebih dahulu. Dalam hal ini, semangat bangsa merupakan wadah perjuangan melawan kekuasaan feudal, proses pembentukan sistem ekonomi kapitalis dan pasaran kapitalis. Apabila golongan kapitalis berkuasa, mereka membentuk negara moden berkoncepcion kapitalis dan negara tersebut berdiri mengikut sempadan bangsa di wilayah berkenaan. Oleh yang demikian, maka lahirlah sebuah negara bangsa atau *nation state*. Sebagai contoh, bangsa Inggeris terbentuk lebih awal sebelum lahirnya negara Inggeris (England) yang moden, begitu juga bangsa Jerman dan bangsa Perancis. Kesemua semangat bangsa ini muncul pada zaman perkembangan revolusi industri dan masyarakat industri serta perkembangan modenisme. Oleh sebab itu, nasionalisme Eropah ketika itu sering dikaitkan dengan kebangkitan kapitalisme dan kepentingan bangsa-bangsa moden Eropah tersebut (Abdul Rahman Embong, 2006).

Di belahan Asia pula, mengambil contoh negara China, bangsa China (merujuk kepada bangsa Han) dalam satu masa yang panjang, pernah hidup secara terpisah-pisah di bawah kerajaan feudal yang berasingan dan sering berperang antara satu dengan yang lain. Namun begitu sejak zaman Dinasti Qin (221-207 sebelum Masihi), bangsa China dapat di satukan di bawah maharaja Qin, lantas berdirilah empayar kesatuan yang besar dan kuat yang mempunyai kekuasaan pusat tersendiri. Keadaan ini berterusan hingga abad ke-20 apabila ia berkembang menjadi negara bangsa moden setelah berdirinya Republik China pada 1911 dan Republik Rakyat China pada 1949. Sekalipun ada usaha kuasa-kuasa penjajah untuk memecah-

mecahkan mereka sejak 1840-an, namun bangsa China pada asasnya tetap utuh dan kukuh sebagai sebuah bangsa hingga ke hari ini (Abdul Rahman Embong, 2006).

Bagi proses pembinaan negara bangsa di Asia Tenggara pula, pembentukan negara bangsa di Indonesia sesuai dijadikan contoh. Hal ini kerana bangsa Indonesia terbentuk terlebih dahulu dalam perjuangan kemerdekaan melawan penjajah Belanda sebelum lahirnya negara Indonesia yang merdeka pada 17 Ogos 1945. Perkara tersebut dapat dirujuk melalui ‘Sumpah Pemuda’ pada tahun 1928. Dalam Sumpah Pemuda tersebut, perkara asas sudah pun ditegaskan bahawa rakyat Indonesia, tak kira dari keturunan apa pun, berjuang untuk pembentukan satu bangsa (bangsa Indonesia), satu tanah air (tanah air Indonesia) dan satu bahasa (bahasa Indonesia). Dan akhirnya bangsa ini berdiri dengan utuh apabila Indonesia diisyiharkan mencapai kemerdekaannya (Abdul Rahman Embong, 2006).

Manakala untuk konteks Malaysia, idea negara bangsa moden hadir di penghujung era penjajahan British. Atau lebih tepat lagi, selepas tamat Perang Dunia Kedua. Ketika itu, British cuba mewujudkan sebuah negara bangsa moden berdasarkan idea Malayan Union, namun idea tersebut menemui kegagalan. Jika diteliti, gagasan Malayan Union yang cuba diketengahkan oleh British tersebut merupakan sebuah idea negara bangsa mengikut acuan British yang bersifat lebih terbuka dan mempunyai agenda politik penjajah. Gagasan Malayan Union terbuka kepada sesiapa sahaja yang memperakui Tanah Melayu sebagai tanah air mereka tanpa mengira keturunan (Mohd Ashraf, 2004). Kewarganegaraannya pula bersifat *common citizenship* atau *jus soli* yang dibukakan kepada sesiapa, tanpa mengira ras, yang menganggap Malaya sebagai tempat kediaman mereka yang sebenar dan sebagai objek kesetiaan mereka (Hickling, 1960). Namun, jika gagasan Malayan Union berjaya dibentuk oleh British pada tahun 1946, maka negara bangsa yang bakal wujud pada waktu itu di Tanah Melayu adalah lebih bersifat ‘Malaya’ berbanding bersifat ‘Melayu’ (Cheah, 2002).

Justeru, kegagalan gagasan Malayan Union tersebut telah mendorong kepada kewujudan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Hal tersebut berikutan idea Malayan Union ditentang keras terutamanya oleh masyarakat Melayu. Perkara tersebut telah mendorong British untuk kembali berunding dan wujudlah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Rundingan berlaku antara golongan elit Melayu dan penjajah British. Masyarakat Cina dan India tidak terlibat, terutama ketika rundingan dan proses draf perlembagaan. Apabila perlembagaan dan pemerintahan terbentuk pada tahun 1948, ia masih bersifat memihak kepada penjajah British. Pesuruhjaya Tinggi British masih lagi memegang tumpuk pemerintahan (Fernando, 2007). Begitu juga kuasa Residen British untuk peringkat negeri masih seperti biasa. Namun, perlembagaan tersebut secara asasnya merupakan penanda aras kepada kewujudan sebuah negara bangsa yang bakal diwujudkan di Tanah Melayu kelak kerana perkara utama yang menjadi perbincangan perlembagaan tersebut adalah hal berkaitan kewarganegaraan.

Sehinggalah Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, asas-asas negara bangsa moden itu semakin terbentuk. Asas negara bangsa moden yang dapat dilihat ketika negara hampir mencapai kemerdekaan termasuklah perkara berkaitan kewarganegaraan. Dalam hal ini, perkara berkaitan kewarganegaraan merupakan elemen penting dalam pembentukan negara bangsa moden. Perkara berkaitan kewarganegaraan telah diteliti semula dan hal tersebut telah membuka ruang kepada pembentukan awal bangsa Tanah Melayu apabila mencapai kemerdekaan kelak. Yang jelas, perkara berkaitan kewarganegaraan tersebut

merupakan kontrak sosial dalam kalangan masyarakat yang tinggal di Tanah Melayu ketika itu. Sehubungan itu, kewarganegaraan negara ketika itu adalah cerminan bangsa Tanah Melayu yang bakal terbentuk berdasarkan masyarakat pelbagai keturunan dan agama (Mohd Rizal & Shamrahayu, 2015).

Sorotan literatur

Konsep Negara

Negara ialah sebuah institusi yang menyediakan kewujudan kerajaan. Ia berperanan sebagai sebuah institusi tunggal yang mana terdapat beberapa institusi bawahan di bawah kawalannya. Negara juga memiliki hak untuk menggunakan kekerasan demi untuk mendapatkan ketaatan daripada rakyatnya (Jenks, 1974). Negara memiliki struktur hirarki. Ia mentadbir dan mengawal pasukan pertahanan dan juga pasukan polis yang mengekalkan aturan awam serta menguatkuasakan undang-undang. Pentadbiran birokrasi sesebuah negara akan merancang belanjawan, mengutip hasil pendapatan dan melakukan perbelanjaan (Reynolds, 2005).

Kewujudan sesebuah negara juga terkait dengan hal berkaitan kedaulatan. Tidak lengkap jika sebuah negara wujud tanpa kedaulatan. Kedaulatan merupakan salah satu konsep menjurus kepada undang-undang antarabangsa (*one of the fundamental concepts in international law*). Dalam kerangka hubungan antara negara, kedaulatan juga merujuk kepada pengertian kemerdekaan kepada sesebuah negara. Negara yang merdeka adalah negara yang berdaulat. Negara yang berdaulat tidak berada mungkin berada dalam kekuasaan negara lain (Bartelsen, 2006).

Selain itu, kedaulatan adalah sebuah konsep politik yang tidak sama halnya dengan konsep-konsep seperti demokrasi atau monarki. Konsep tentang kedaulatan adalah perkara yang berkaitan dengan hubungan antara kekuasaan politik dan bentuk-bentuk kuasa yang lain di bawahnya. Kedaulatan boleh difahami dengan perincian seperti berikut. Yang pertama, kekuasaan politik adalah berbeza dengan kerangka organisasi atau pihak berkuasa lain di dalam masyarakat seperti agama, kekeluargaan dan ekonomi. Kedua, kedaulatan menegaskan bahawa pihak berkuasa awam seperti yang disebutkan tadi bersifat autonomi dan sangat luas. Ia luas dan lebih tinggi dari institusi yang ada dalam masyarakat yang bersangkutan dan bebas dari pihak luar (Sheehan, 2006).

Konsep Bangsa / Nasion

Bangsa pula merujuk kepada satu kumpulan manusia yang tinggal di dalam sesebuah wilayah yang mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, pengalaman sejarah dan kesenian. Dalam istilah mudah, walaupun berada dalam suku, agama, ras, budaya, bahasa, adat resam, ideologi dan sebagainya yang berbeza namun kelompok manusia ini memiliki sejarah dan ciri-ciri yang sama dalam mencapai kesepaduan dalam hal bernegara. Hal yang tersebutlah yang dinamakan sebagai bangsa. Sebagai tambahan, bangsa juga didefinisikan sebagai satu komuniti politik yang terbentuk dalam sejarah melalui perkongsian wilayah, budaya, bahasa serta perasaan sebangsa (Abdul Rahman Embong, 2006). Sebuah negara boleh diiktiraf sebagai negara bangsa apabila populasi etnik yang berbudaya sepunya mendiami sebuah negara yang mempunyai sempadan dan sempadan tersebut adalah batas kepada populasi untuk etnik dan budaya yang terdapat di negara tersebut (Smith, 1995).

Apabila hal berkaitan bangsa dibincangkan dalam konteks yang lebih luas, terdapat tiga bentuk konsep bangsa yang boleh diketengahkan. Konsep-konsep tersebut termasuklah bangsa keturunan, bangsa budaya dan bangsa politik. Bangsa keturunan merujuk kepada baka atau keturunan yang sama. Bangsa budaya pula merujuk kepada sekelompok manusia yang mengamalkan budaya yang sama walaupun mereka mungkin mempunyai bangsa keturunan atau etnik yang berlainan. Manakala bangsa politik pula merujuk kepada bangsa atau sifat kebangsaan yang dicipta secara sedar oleh sekumpulan manusia yang mungkin berbeza keturunan dan budaya tetapi menganggap diri mereka secara kolektif satu bangsa yang berdaulat yang memiliki dan bertanggungjawab memelihara negara dan kedaulatan politik mereka bersama (Abdul Rahman Haji Ismail, 2006).

Perbezaan Konsep Bangsa / Nasion (Nation) Dan Ras (Race)

Persoalan mengenai negara bangsa dan bangsa Malaysia secara konseptualnya agak bercelaru. Hal ini kerana, terdapat pihak melihat konsep ‘bangsa’ daripada kaca mata yang agak legalistik dengan mengaitkannya dengan konsep ‘warganegara’. Perkara tersebut kelihatan seakan-akan isu bangsa adalah satu perkara perundangan. Berdasarkan pengertian tersebut juga, bangsa Malaysia dikatakan boleh terbentuk dengan tiga syarat. Yang pertama dengan menjadi warga Malaysia, yang kedua mengamalkan cara hidup berlandaskan kebudayaan Malaysia dan yang ketiga menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa hariannya (Abdul Rahman Embong, 2006).

Di sudut yang lain pula, ada pihak yang menyamakan konsep bangsa dalam gagasan bangsa Malaysia itu dengan konsep ras, iaitu satu konsep yang merujuk kepada keturunan darah. Oleh sebab itu, dihujahkan bahawa pembentukannya amat sukar sekali kecuali hanya apabila berlaku menerusi perkahwinan campur. Di dalam penulisan popular kewartawanan media Inggeris di negara ini, ‘bangsa Malaysia’ juga sering diterjemahkan menjadi *Malaysian race*, bukannya *Malaysian nation* seperti yang sepatutnya (Abdul Rahman Embong, 2006).

Selain itu, dari segi istilah pula, konsep bangsa juga turut menjadi masalah kerana penggunaannya yang tak sekata. Dalam bahasa Melayu, bangsa mempunyai makna yang agak rencam. Di suatu sudut, konsep bangsa membawa maksud satu kelompok manusia berdasarkan ciri fizikal, iaitu ras dan keturunan. Di sudut yang lain pula, konsep bangsa disama ertikan dengan kaum yang bermaksud satu kumpulan etnik berdasarkan ciri budaya dan keturunan yang sama. Selanjutnya, konsep bangsa juga membawa maksud satu komuniti politik dalam wilayah tertentu, sama seperti istilah *nation* dalam bahasa Inggeris. Memandangkan penggunaan konsep bangsa tersebut tak sekata dari segi maksud, terdapat pengkaji yang menganjurkan supaya kita menerima pakai istilah ‘nasion’ sebagai kata ganti bagi istilah bangsa yang memberi maksud kepada komuniti politik tadi (Abdul Rahman Embong, 2006).

Hujah mereka bahawa, oleh sebab ‘nasion’ adalah kata akar kepada istilah nasionalis dan nasionalisme yang sudah pun mantap penggunaanya dalam bahasa Melayu. Justeru, tidak ada alasan yang kukuh untuk kita tidak menerima konsep ‘nasion’ dalam perbendaharaan bahasa Melayu. Tambahan pula, dengan penggunaan istilah ‘nasion’ tidak bererti kita mengeneplikan istilah bangsa. Maka, istilah ‘nasion’ dalam bahasa Melayu sepatutnya diperluaskan penggunaannya untuk merujuk kepada komuniti politik atau dalam konteks Malaysia, ‘Nasion Malaysia’ (Abdul Rahman Embong, 2006).

Konsep Negara Bangsa

Dalam hal ini, apabila konsep negara dan bangsa digabungkan, maka muncul satu bentuk gagasan yang sering disebut sebagai negara bangsa. Apabila muncul gagasan tersebut, ia dapat difahami sebagai sebuah konsep yang mana binaan emosional (*emotional construct*) yang membolehkan membolehkan kumpulan-kumpulan manusia mengidentifikasi diri mereka kepada konsep-konsep tersebut serta membolehkan mereka membezakan kumpulan mereka dengan kumpulan manusia yang lain. Negara secara umumnya boleh dianggap sebagai suatu ciptaan politik dengan binaan ciri-ciri yang mengandungi institusi-institusi dan mekanisme-mekanisme yang membolehkan kawalan ke atas warganya (Voon, 2007). Negara bangsa juga merujuk kepada sekumpulan manusia yang merasai mereka sebagai satu komuniti setelah mereka boleh menerima pakai perbezaan sejarah, kebudayaan dan warisan dan asal-usul yang mereka lalui (Kellas, 1998). Dalam istilah yang mudah, bangsa adalah roh manakala negara adalah jasad yang menjadi pelindung (*container*) kepada bangsa dengan menyediakan perisai untuk perlindungannya (Reynolds, 2005).

Selain itu, negara bangsa dapat difahami sebagai sebuah negara yang berdaulat dengan penduduk yang mempunyai kesedaran bahawa mereka mempunyai persamaan. Persamaan tersebut dapat dilihat dalam kalangan masyarakat yang tinggal di dalam sebuah wilayah yang sama berdasarkan bahasa, adat dan tradisi lama yang dikongsi bersama. Dari sudut yang lain, negara bangsa juga adalah sebuah negara yang bebas daripada konsep dunia empayar dan berada di bawah kedaulatan dan kekuasaan raja yang mutlak. Setiap wilayah yang telah membentuk sebuah negara bangsa biasanya mengandungi penduduk yang berteraskan satu bangsa, satu bahasa, satu kesusastraan dan satu kesedaran kebangsaan. Raja yang berada dalam sebuah negara bangsa tersebut juga mempunyai hak untuk mengisytiharkan perang, mengenakan cukai, mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang. Justeru, inilah yang dimaksudkan dengan negara bangsa (Sivachandralingam, 2002).

Objektif Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada beberapa objektif untuk dicapai. Antara objektif tersebut termasuklah:

- i. Mengenalpasti tahap kefahaman dalam kalangan mahasiswa mengenai konsep bangsa Malaysia.
- ii. Menilai keberkesanan kursus Pembentukan dan Pembinaan Negara Bangsa terhadap kefahaman dikalangan mahasiswa terhadap konsep bangsa Malaysia.

Kursus Pembentukan & Pembinaan Negara Bangsa (HNH3013)

Secara umum, kursus HNH3013 ini ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan (AT58), di Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan (JPKK), Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kursus ini membincangkan topik-topik yang mencakupi perkara-perkara yang berkaitan negara bangsa dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Antara topik tersebut termasuklah:

- i. Latar belakang pembinaan negara bangsa di Malaysia.
- ii. Perkembangan masyarakat dan kerajaan negeri-negeri Melayu sebelum dan semasa zaman kolonial.
- iii. Proses pembentukan negara bangsa di Malaysia selepas merdeka.
- iv. Gagasan dan idea pembentukan bangsa Malaysia.

- v. Isu-isu dalam perlumbagaan serta hubungannya dalam proses pembentukan negara bangsa.
- vi. Dasar-dasar pengukuhan dalam pembentukan negara bangsa.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif. Manakala kaedah analisis statistik deskriptif digunakan untuk mengumpul data dari responden yang terpilih. Responden yang dipilih pula adalah seramai 52 orang pelajar yang terdiri dari pelajar semester 6 untuk sesi 2021/2022 yang mengambil Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan (AT58). Justifikasi pemilihan pelajar-pelajar semester 6 dari program AT58 adalah kerana mereka sedang mengambil kursus tersebut, iaitu kursus Pembentukan dan Pembinaan Negara Bangsa (HNH3013) dan sedang berada dipenghujung semester ketika kajian lapangan dijalankan. Data dikutip selama lima hari, bermula dari 10 Januari hingga 14 Januari 2022. Data dikutip semasa minggu akademik ke-12 dan kuliah HNH3013 sudah sampai ke penghujung silibus dan minggu tersebut merupakan minggu pembentangan.

Instrument yang digunakan untuk mengutip data adalah melalui borang soal selidik. Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden adalah berbentuk *Google form*. Borang soal selidik berbentuk *Google form* tersebut diedarkan melalui link yang disebarluaskan melalui telefon bimbit. Kumpulan *whatsapp* digunakan sebagai medium untuk mengumpulkan kesemua responden yang terdiri dari pelajar semester 6 yang mengambil kursus HNH3013.

Borang soal selidik dipecahkan kepada empat bahagian dan dilabelkan sebagai Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A adalah mengenai latar belakang responden dan dibahagikan kepada lima bahagian kecil. Bahagian B adalah mengenai konsep negara. Bahagian C adalah mengenai konsep bangsa dan manakala Bahagian D adalah mengenai konsep negara bangsa. Terdapat sebanyak enam pernyataan yang terdapat dalam Bahagian B, C dan D dan responden diminta untuk memilih skala likert yang terbahagi kepada lima. Lima skala likert tersebut adalah seperti sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Kaedah soal selidik merupakan kaedah yang sesuai digunakan untuk mengkaji perkara-perkara seperti pengukuran yang bersifat pengetahuan, sifat, kefahaman dan penglibatan (Saunders & rakan-rakan, 2007). Jumlah keseluruhan pelajar AT58 semester 6 adalah seramai 60 orang. Manakala jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini pula melibatkan seramai 52 orang responden (86.67%).

Hasil Dapatan Kajian

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Dari sudut latar belakang responden, Jadual 1 menunjukkan jumlah pelajar lelaki yang terlibat adalah seramai 14 orang yang mewakili 25.5%. Manakala jumlah pelajar perempuan yang terlibat sebagai responden pula adalah seramai 38 orang yang mewakili 74.5%. Pecahan untuk responden dapat dilihat seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Jantina

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	14	26.9
Perempuan	38	73.1
Jumlah	52	100

Manakala untuk bahagian keturunan pula, Jadual 2 menunjukkan responden dari kalangan keturunan Melayu adalah seramai 33 orang dan mewakili 63.5%. Responden dari kalangan Bumiputera Sabah pula membentuk jumlah kedua paling tertinggi seramai 13 orang responden dengan membentuk 25%. Responden ketiga yang paling ramai adalah dari kalangan pelajar Bumiputera Sarawak seramai 5 orang yang membentuk 9.6%. Responden yang terakhir adalah dari kalangan pelajar keturunan India iaitu hanya seorang dan membentuk 1.9%.

Jadual 2: Keturunan

Keturunan	Jumlah	Peratus
Melayu	33	63.5
Bumiputera Sabah	13	25
Bumiputera Sarawak	5	9.6
India	1	1.9
Jumlah	52	100

Untuk bahagian fakulti dan semester pula, kesemua responden yang terlibat adalah dari fakulti dan semester yang sama. Perkara ini seperti yang telah dijelaskan dibahagian metodologi bahawa, kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan pelajar semester 6, program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan (AT58) yang mengambil kursus HNH3013. Perkara tersebut adalah seperti yang tertera dalam Jadual 3:

Jadual 3: Fakulti & Semester

Fakulti / Semester	Jumlah	Peratus
Fakulti Sains Kemanusiaan	52	100
Semester 6	52	100

Untuk bahagian yang terakhir pula adalah mengenai agama. Responden terlibat yang beragama Islam adalah seramai 41 orang dan mewakili 78.8 peratus. Manakala responden yang beragama Kristian pula adalah seramai 10 orang dan mewakili 19.2 peratus. Selebihnya adalah responden yang beragama Hindu yang berjumlah hanya seorang dan membentuk peratus sebanyak 1.9%. perkara tersebut adalah seperti yang tertera dalam Jadual 4:

Jadual 4: Agama

Agama	Jumlah	Peratus
Islam	41	78.8
Kristian	10	19.2
Hindu	1	1.9
Jumlah	52	100

Bahagian B: Konsep Negara

Untuk Bahagian B dalam borang soal selidik yang diedarkan, bahagian tersebut adalah mengenai kefahaman responden dari segi konsep negara. Terdapat enam dimensi pernyataan yang telah dinyatakan dalam Bahagian B borang soal selidik tersebut. Perkara tersebut dinilai oleh responden skala likert mengenai konsep negara hasil daripada pengalaman mereka mengikuti kursus tersebut.

Jadual 5: Konsep Negara

Bil.	Pernyataan	sts	ts	tp	s	ss	Min
		Peratus (%)					
1.	Elemen seperti sempadan, ketua kerajaan, ketua negara dan sistem pentadbiran adalah elemen penting dalam sebuah negara moden.	1.9	0	0	42.3	55.8	17.3
2.	Sistem politik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti pentadbiran dan pemerintahan memang sudah wujud sebelum terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu (1957) dan Malaysia (1963).	3.8	1.9	9.6	63.5	21.2	10.4
3.	Sejak merdeka, sistem pentadbiran dan pemerintahan di Malaysia dianggotai oleh pemimpin dari kalangan pelbagai keturunan dan agama.	1.9	3.8	7.7	51.9	34.6	10.4
4.	Sistem pentadbiran Malaysia meraikan kepelbagaian masyarakat dari segi budaya dan agama.	0	3.8	5.8	48.1	42.3	13
5.	Saya terbuka menerima pemimpin Malaysia yang terdiri dari kalangan individu berbeza keturunan dan agama.	7.7	9.6	19.2	36.5	26.9	10.4
6.	Saya terbuka menerima Malaysia sebagai sebuah negara yang terbentuk dari kalangan masyarakat pelbagai agama dan keturunan.	1.9	3.8	3.8	48.1	42.3	10.4

sts - sangat tidak setuju

ts - tidak setuju

tp - tidak pasti

s - Setuju

ss - sangat setuju

Secara keseluruhan, berdasarkan peratus yang diperolehi dari Jadual 5 menunjukkan, majoriti responden memilih jawapan setuju dan sangat setuju untuk keenam-enam pernyataan yang disediakan. Kedua-dua jawapan tersebut membentuk peratusan yang agak tinggi berbanding pemilihan jawapan yang lain. Namun begitu, dari sudut perbandingan pula, terdapat pernyataan yang membentuk peratusan yang agak tinggi bagi jawapan tidak pasti yang telah dipilih oleh responden walaupun peratusan tersebut tidaklah besar dan signifikan. Sebagai contoh,

pernyataan kelima, ‘Saya terbuka menerima pemimpin Malaysia yang terdiri dari kalangan individu berbeza keturunan dan agama’ telah membentuk peratusan sebanyak 19.2% untuk responden yang memilih jawapan tidak pasti. Perkara tersebut telah membentuk persoalan bahawa terdapat sebilangan kecil responden yang kurang terbuka terhadap penerimaan pemimpin dari kalangan individu yang terdiri dari pegangan agama yang berbeza.

Bahagian C: Konsep Bangsa

Untuk Bahagian C dalam borang soal selidik yang diedarkan, bahagian tersebut adalah mengenai kefahaman responden dari segi konsep bangsa. Terdapat enam dimensi pernyataan yang telah dinyatakan dalam Bahagian C borang soal selidik tersebut. Perkara tersebut dinilai oleh responden sama ada mereka bersetuju atau tidak mengenai konsep bangsa hasil daripada pengalaman mereka mengikuti kursus tersebut.

Jadual 6: Konsep Bangsa

Bil.	Pernyataan	sts	ts	tp	s	ss	Min
		Peratus (%)					
1.	Bangsa atau nasion bermaksud kelompok masyarakat yang dibentuk atas faktor negara dan kewarganegaraan.	1.9	5.8	9.6	59.6	23.1	10.4
2.	Terbinanya bangsa atau nasion di zaman moden adalah atas faktor pembentukan negara.	1.9	1.9	15.4	51.9	28.8	10.4
3.	Hal mengenai kewarganegaraan adalah elemen penting dalam konsep bangsa atau nasion di zaman moden.	0	5.8	7.7	51.9	34.6	13
4.	Konsep etnik adalah merujuk kepada faktor keturunan.	3.8	3.8	5.8	59.6	26.9	10.4
5.	Dalam usaha membina bangsa dalam sebuah negara moden, faktor keturunan adalah penting. Namun faktor bangsa atau nasion harus lebih diutamakan.	1.9	3.8	5.8	59.6	28.8	10.4
6.	Dalam usaha membina bangsa dalam sebuah negara moden, pihak pemerintah harus memikirkan mengenai budaya sepunya dalam kalangan warganegara.	0	9.6	9.6	51.9	28.8	13

sts - sangat tidak setuju

ts - tidak setuju

tp - tidak pasti

s - setuju

ss - sangat setuju

Untuk bahagian konsep bangsa pula, berdasarkan peratus yang diperolehi dari Jadual 6 menunjukkan, majoriti responden memilih jawapan setuju untuk keenam-enam pernyataan yang disediakan. Peratusan yang dibentuk dari jawapan setuju yang diperolehi melebihi 50% untuk keenam-enam pernyataan. Namun begitu, dari sudut perbandingan pula, terdapat pernyataan yang membentuk peratusan yang agak tinggi bagi jawapan tidak pasti yang telah dipilih oleh responden walaupun peratusan tersebut tidaklah besar dan signifikan. Sebagai contoh, pernyataan kedua, ‘Terbinanya bangsa atau nasion di zaman moden adalah atas faktor

pembentukan negara' telah membentuk peratusan sebanyak 15.4% untuk responden yang memilih jawapan tidak pasti. Perkara tersebut telah membentuk persoalan bahawa terdapat sebilangan kecil responden yang kurang menerima bahawa bangsa Malaysia yang terbentuk pada masa kini sebenarnya adalah hasil pembentukan negara Malaysia.

Bahagian D: Konsep Negara Bangsa Malaysia

Untuk Bahagian D dalam borang soal selidik yang diedarkan, bahagian tersebut adalah mengenai kefahaman responden dari segi konsep negara bangsa Malaysia. Terdapat enam dimensi pernyataan yang telah dinyatakan dalam Bahagian D borang soal selidik tersebut. Perkara tersebut dinilai oleh responden sama ada mereka bersetuju atau tidak mengenai konsep negara bangsa Malaysia hasil daripada pengalaman mereka mengikuti kursus tersebut.

Jadual 7: Konsep Negara Bangsa Malaysia

Bil.	Pernyataan	sts	ts	tp	s	ss	Min
		Peratus (%)					
1.	Bangsa Malaysia adalah konsep pembentukan bangsa dari kalangan rakyat pelbagai keturunan.	0	1.9	5.8	48.1	44.2	13
2.	Bangsa Malaysia sudah terbina sejak merdeka namun sehingga kini, tahapnya masih belum kukuh.	3.8	9.6	17.3	26.9	42.3	10.4
3.	Sejak merdeka, dasar-dasar kerajaan banyak menyumbang ke arah pengukuhan Bangsa Malaysia.	0	7.7	9.6	50	32.7	13
4.	Dasar negara yang terkini menyumbang ke arah pengukuhan Bangsa Malaysia.	0	3.9	17.6	45.1	33.3	13
5.	Mata pelajaran HNH3013 memberi saya pencerahan mengenai makna sebenar Bangsa Malaysia.	0	1.9	1.9	15.4	80.8	13
6.	Mata pelajaran HNH3013 memberi saya inspirasi untuk menyumbang tenaga saya dalam mengukuhkan Bangsa Malaysia apabila saya bekerja kelak.	0	0	3.8	26.9	62.2	13

sts - sangat tidak setuju

ts - tidak setuju

tp - tidak pasti

s - setuju

ss - sangat setuju

Untuk bahagian konsep negara bangsa Malaysia, berdasarkan peratus yang diperolehi dari Jadual 7 menunjukkan, responden yang memilih jawapan setuju dan sangat setuju untuk keenam-enam pernyataan yang disediakan adalah tidak sama dengan bahagian konsep negara dan konsep bangsa. Perkara tersebut dapat dilihat dengan peratusan yang dicatat pada jawapan setuju dan sangat setuju membentuk peratus yang tidak terlalu besar. Namun begitu, dari sudut perbandingan pula, terdapat pernyataan yang membentuk peratusan yang agak tinggi bagi jawapan tidak pasti yang telah dipilih oleh responden walaupun peratusan tersebut tidaklah besar dan signifikan. Sebagai contoh, pernyataan kedua dan keempat, 'Bangsa Malaysia sudah terbina sejak merdeka namun sehingga kini, tahapnya masih belum kukuh' dan 'Dasar negara

yang terkini menyumbang ke arah pengukuhan Bangsa Malaysia' telah membentuk peratusan sebanyak 17.3% dan 17.6% untuk responden yang memilih jawapan tidak pasti. Perkara tersebut telah membentuk persoalan bahawa perkara seperti pembentukan bangsa Malaysia sejak merdeka dan dasar-dasar negara yang terkini kurang diterima oleh responden apabila dua perkara tersebut dibincangkan dari sudut negara bangsa.

Perbincangan

Borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen untuk mengumpulkan data telah dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A adalah mengenai latar belakang responden. Bahagian B adalah mengenai konsep negara. Bahagian C adalah mengenai konsep bangsa. Manakala bahagian D pula adalah mengenai konsep negara bangsa Malaysia.

Untuk bahagian A, majoriti responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah terdiri dari responden dari kalangan perempuan (73.1%), berketurunan Melayu (33.5%), responden dari Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) dan semester 6 (100%) dan beragama Islam (78.8%). Hasil dapatan kajian dari sudut populasi responden untuk Bahagian A tersebut adalah berkait dengan faktor pemilihan responden yang dipilih adalah dari kalangan pelajar yang mengambil kursus Pembentukan dan Pembinaan Negara Bangsa (HNH3013) sahaja. Untuk Bahagian B, C dan D pula, hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati bahawa majoriti responden memilih untuk menjawab sangat setuju dan setuju dan jawapan tersebut membentuk peratusan yang tinggi untuk hampir keenam-enam pernyataan tersebut bagi ketiga-tiga bahagian.

Namun, terdapat pernyataan yang membentuk peratusan yang agak tinggi bagi jawapan tidak pasti yang telah dipilih oleh responden walaupun peratusan tersebut tidaklah besar dan signifikan. Untuk Bahagian B, pernyataan 'Saya terbuka menerima pemimpin Malaysia yang terdiri dari kalangan individu berbeza keturunan dan agama' telah membentuk peratusan sebanyak 19.2% untuk responden yang memilih jawapan tidak pasti. Untuk Bahagian C, pernyataan 'Terbinanya bangsa atau nasion di zaman moden adalah atas faktor pembentukan negara' telah membentuk peratusan sebanyak 15.4% untuk responden yang memilih jawapan tidak pasti. Manakala untuk Bahagian D pula. Pernyataan 'Bangsa Malaysia sudah terbina sejak merdeka namun sehingga kini, tahapnya masih belum kukuh' dan 'Dasar negara yang terkini menyumbang ke arah pengukuhan Bangsa Malaysia' telah membentuk peratusan sebanyak 17.3% dan 17.6% untuk responden yang memilih jawapan tidak pasti. Jika diteliti, perkara-perkara yang berkait dengan pernyataan tersebut adalah seperti pemimpin dari pelbagai latar belakang agama, pembinaan bangsa berkait dengan pembentukan negara, tahap pembentukan bangsa Malaysia dan dasar negara yang terkini dalam membantu membina bangsa Malaysia. Jika dilihat dari sudut yang lebih besar, kemungkinan dapat dibuat kesimpulan bahawa faktor seperti agama, penerimaan terhadap konsep bangsa Malaysia dan dasar negara adalah perkara-perkara yang harus dititik beratkan dalam usaha memimpin generasi muda yang bakal memperkuuhkan lagi pembentukan Bangsa Malaysia.

Secara perbandingan, terdapat kajian lain yang memberi fokus kajian terhadap perkara-perkara yang berkait dengan pembentukan negara bangsa dan Bangsa Malaysia. Dalam kajian Sity dan Norrizan (2019) mendapati walaupun negara telah mencapai kemajuan besar dari segi ekonomi, Malaysia masih lagi berdepan dengan cabaran yang serius dari segi membentuk pelbagai kumpulan etnik menjadi sebuah negara yang bersatu padu. Kajian tersebut juga menambah bahawa Bangsa Malaysia harus dikonseptualisasikan sebagai sebuah

negara multietnik yang telah berkembang dari segi sejarah dengan visi bersama yang menjunjung semangat inklusif Perlembagaan Malaysia dengan ciri-ciri dan kapasiti. Dalam kajian Syaidul dan rakan-rakan (2019) yang mengkaji unsur budaya kaum lain sebagai jati diri kebangsaan dan pemersatu bangsa Malaysia melalui sajak pilihan mendapati bahawa unsur-unsur budaya kaum lain bebas diamalkan di Malaysia. Manakala unsur budaya laum lain yang sesuai berdasarkan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) menjadi elemen pemersatu rakyat dan pemangkin semangat jati diri kebangsaan di Malaysia. Perbandingan dari sudut kajian mengenai patriotisme pula, kajian Tuan dan rakan-rakan (2016) yang mengkaji mengenai tahap patriotisme belia di Malaysia berdasarkan beberapa aspek tertentu mendapati bahawa tahap patriotisme belia adalah tinggi dengan mencatat peratusan sebanyak 73%. Kajian tersebut juga menyangkal hal yang mengatakan bahawa belia di Malaysia tidak patriotik oleh sebab hal-hal yang tertentu. Kajian tersebut juga mencadangkan bahawa program-program yang berkait dengan belia harus diteruskan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan mendapati bahawa kefahaman konsep Bangsa Malaysia dalam kalangan mahasiswa AT58 di UPSI yang telah mengambil kursus HNH3013 adalah berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Perkara tersebut dapat dirujuk melalui hasil dapatan kajian yang menunjukkan pemilihan jawapan-jawapan yang dilakukan oleh responden terlibat cenderung memilih pernyataan seperti sangat setuju dan setuju. Hasil dapatan tersebut secara tidak langsung telah berjaya menjawab objektif kajian yang pertama. Justeru, kursus HNH3013 dilihat berkesan dalam membentuk kefahaman mengenai konsep Bangsa Malaysia. Hal tersebut secara tidak langsung menjawab objektif kajian yang kedua.

Disamping itu, terdapat juga beberapa pernyataan yang membentuk peratusan yang tinggi bagi responden yang memilih jawapan tidak pasti. Antara perkara-perkara yang boleh dikaitkan dengan pemilihan jawapan tidak pasti oleh responden termasuklah mengenai pemimpin dari pelbagai latar belakang agama, pembinaan bangsa berkait dengan pembentukan negara, tahap pembentukan bangsa Malaysia dan dasar negara yang terkini dalam membantu membina bangsa Malaysia. Justeru, perkara-perkara tersebut merupakan perkara yang perlu diteliti dalam kalangan generasi muda dari sudut kefahaman terhadap konsep Bangsa Malaysia.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Bibliografi

- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara-Bangsa Proses dan Perbaahan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2006). Ke arah ketepatan makna dalam membicarakan nasionalisme Melayu. Dlm. Abdul Rahman Haji Ismail et al. (pnyt.). Hlm. 8. *Nasionalisme dan revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan sejarah*, Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Bartelsen. J. (2006). The concept of sovereignty revisited. *The European Journal of International Law*. 17 (2): 463-474.
- Cheah, B. K. (2002). *Malaysia the Making of a Nation*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

- Fernando, J. M. (2007). *Federal Constitutions, A comparative study of Malaysia and the United States*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Hasnah Hussiin. (2010). *Isu-isu Negara Bangsa Abad Ke-21*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Hickling, R. H. (1960). *An introduction to the Federal Constitutional*. Kuala Lumpur: Federation of Malaya information services, Kuala Lumpur.
- Jenks, E. (1974). *The state and the nation*. New York: E. P. Dutton.
- Kellas, J.G. (1998). *The Politics of Nationalism & Ethnicity*. Edisi ke-2. New York: St. Martin's Press.
- Mahathir Mohamad. (1992). Towards a United Malaysian Nation. Ucapan pada makan malam United Malaysian Nation by the year 2020. Kuala Lumpur. 31 Januari.
- Mohd Ashraf Ibrahim. (2004). *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz. (2015). *Kontrak sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Reynolds, C. J. (2005). Nation and state in histories of nation building, with special reference to Thailand, dlm. Wang Gungwu (pnyt.). *Nation Building in Southeast Asian Histories*. Hlm. 23. Singapore: ISEAS.
- Saunders, M., Lewis, P. & Thornhill, H. (2007). *Research Methods for business Students, 4th Edition*. Prentice Hall: London.
- Sheehan, J. J. (2006). The problem of sovereignty in European history. *The American Historical Review*. 111 (1): 1-15.
- Sity Daud & Norrizan Abd. Majid. (2019). Challenges of nation-building & the formation of Bangsa Malaysia. *Southeast Asian Social Science Review*. 4 (1): 30-47.
- Sivachandralingam Sundara Raja. (2002). *Sejarah Eropah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Smith, A.D. (1995). *Nations & Nationalism in a Global Era*. Cambridge: Polity Press.
- Syaidul Azam Kamarudin, Arba'ie Sujud, Mohd. Zariat Abdul Rani & Kamariah Kamarudin (2019). Unsur Budaya Kaum lain sebagai jati diri kebangsaan dan pemersatu Bangsa Malaysia dalam sajak pilihan terbitan Dewan Bahasa dan Putaka. *Malay Literature*. 32 (2): 257-278.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Shamsul Anuar Nasarah & Zaheruddin Othman. (2016). Pembinaan Bangsa Malaysia: Kajian empirical tahap patriotisme belia. *Geografia: Malaysian Journal of Study & Space*. 12 (10): 159-170.
- Voon, P. K. (2007). State and nation: An overview and Malaysian perspective, dlm. Voon, P. K. (pnyt.). *Malaysian Chinese and nation building, before merdeka and fifty years after vol. 1*. Hlm. 13. Kuala Lumpur: Center for Malaysian Chinese Studies, Kuala Lumpur.